

22 JUL 2003

Sukan-Selat Inggeris (Mahathir)

MALIK MENDAPAT DOA RESTU PERDANA MENTERI

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (London), 22 Julai (Bernama) -- Percubaan perenang marathon negara Abdul Malik Mydin untuk merentasi Selat Inggeris pada Jumaat mendapat doa restu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri.

"Malaysia boleh dan saya yakin Malik pun boleh dan kami berdoa supaya Malik berjaya," kata Dr Mahathir dalam mesej bertulis beliau kepada Malik.

Pesanan Perdana Menteri itu disampaikan melalui Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang tiba di sini minggu lepas bagi melihat perkembangan dan persiapan yang dijalankan perenang berusia 28 tahun itu.

"Pesanan peribadi Perdana Menteri sudahpun saya sampaikan kepada Malik sendiri dan beliau berharap supaya usaha Malik ini berjaya sekali gus dijadikan contoh kepada generasi muda untuk mengukuhkan keyakinan diri dan semangat," kata Hishammuddin.

Menurut Hishammuddin, Perdana Menteri sendiri akan mengikuti setiap kuakan Malik sehingga sampai ke garisan penamat di Calais, Perancis.

"Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa beliau akan mengikuti setiap 66,000 kuakan Malik untuk sampai ke Calais," katanya.

Perdana Menteri turut berpesan kepada Malik untuk melakukan yang terbaik dan berharap beliau (Malik) akan mencapai kejayaan yang boleh menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

Selain bertindak sebagai penaung kepada projek ini, Dr Mahathir merupakan orang paling kuat mendukung usaha ini, malah sokongan yang diberikannya telah banyak menaikkan semangat Malik untuk melaksanakannya dengan jayanya.

Ketika ditanya selepas menerima pesanan dari Perdana Menteri itu, Malik berkata beliau terharu dan semangatnya untuk merealisasikan impian itu semakin kuat.

"Saya sangat terharu...walaupun Perdana Menteri tidak dapat hadir tetapi beliau tetap memberi sokongan terhadap usaha saya," jelas Malik.

Pada Isnin malam, warga Malaysia di kota London mengadakan kenduri kesyukuran kepada Malik di Malaysia Hall diikuti dengan sembahyang hajat.

Sebelum itu, pada sebelah petangnya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini Datuk Salleh Hashim mengadakan majlis jamuan kepada Malik yang dihadiri sekumpulan rakyat Malaysia.

Ia turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Talaat Mansor dan juga Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara Datuk Raja Ruslan Raja Samah.

-- BERNAMA

AHA RON